



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 18 TAHUN 2020

ARAHAN KERJA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PROSES KERJA INVENTORI HUTAN SEBELUM TEBANGAN [*PRE-FELLING INVENTORY (PRE-F)*] OLEH BAKAL PELESEN SECARA KONTRAK DAN PENENTUAN HAD BATAS TEBANGAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Arahan kerja ini bertujuan untuk menggariskan proses kerja bagi kerja persediaan di pejabat, pelantikan Kontraktor Pembangunan Hutan (KPH), penyemakan kerja di lapangan dan penyemakan pemprosesan data inventori untuk aktiviti Inventori Hutan Sebelum Tebangan (*Pre-F*) Oleh Bakal Pelesen Secara Kontrak dan Penentuan Had Batas Tebangan dalam merancang, mengurus dan mengusahasil hutan secara teratur, sempurna serta berkesan.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 *Pre-F* dilaksanakan ke atas sesuatu kawasan kerja (kompartmen atau subkompartmen) bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan kemaskini berkaitan keadaan dirian hutan bagi merumus had batas tebangan (HBT) yang optimum di samping dapat merancang dan mengurus pengusahahasilan hutan secara teratur, sempurna dan berkesan supaya faedah yang maksimum dapat diperolehi secara berkekalan. Inventori ini dilaksanakan dalam tempoh sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebelum pengusahahasilan dijalankan dalam kawasan kerja berkenaan setelah penandaan dan pengesahan sempadan kawasan kerja siap disediakan.
- 2.2 Inventori ini dijalankan dengan menggunakan petak-petak inventori yang diatur di atas garis-garis inventori secara sistematik (*systematic line plots*).
- 2.3 Interpretasi keputusan *Pre-F* dijalankan selepas data inventori *Pre-F* bagi sesuatu kompartmen atau subkompartmen itu selesai diproses.

Interpretasi ini bertujuan untuk menentukan HBT yang optimum bagi tujuan pengusahahasilan sesuatu kawasan hutan berdasarkan maklumat-maklumat *Pre-F*.

3.0 SKOP KERJA

- 3.1 Arahan kerja ini digunakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) bagi Proses Kerja Inventori Hutan Sebelum Tebangan (*Pre-F*) Secara Kontrak oleh pihak Bakal Pelesen (BP) dan penyemakan kerja *Pre-F* secara kontrak bagi hutan darat asli dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK).
- 3.2 Pihak BP adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam melaksanakan aktiviti *Pre-F* secara kontrak dengan melantik pihak KPH yang berdaftar dengan JPN. Manakala pihak JPN pula hanya akan terlibat dengan aktiviti penyediaan pelan kawasan kerja, penyediaan spesifikasi kerja secara kontrak, kerja-kerja pengesahan *Pre-F* di lapangan dan penentuan Had Batas Tebangan (HBT).

4.0 TANGGUNGJAWAB

- 4.1 Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM)/Pengarah Perhutanan Negeri (PPN)/Pegawai Hutan Daerah/Jajahan (PHD) adalah bertanggungjawab memastikan arahan kerja ini dipatuhi. Pematuhan ini merangkumi sesiapa jua yang terlibat dengan aktiviti Inventori Hutan Sebelum Tebangan (*Pre-F*) Secara kontrak bagi hutan darat asli dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK).
- 4.2 Pihak BP pula menjalankan tanggungjawabnya untuk melantik KPH yang hanya berdaftar dengan JPN serta menjalankan urusan dengan kerja-kerja lain yang berkaitan dengan aktiviti *Pre-F* secara kontrak. Selain itu, BP juga bertanggungjawab sepenuhnya menanggung kos aktiviti tersebut.
- 4.3 Kegagalan mana-mana orang dalam mematuhi pelaksanaan arahan kerja ini boleh dikenakan tindakan undang-undang atau tatatertib.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

5.1 Punca Kuasa

- 5.1.1 Punca kuasa bagi melaksanakan arahan kerja ini adalah

berpandukan sepertimana berikut:

- i. Minit Mesyuarat Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-37 yang telah diadakan pada 29 Oktober hingga 1 November 2017 di Terengganu.
- ii. Minit Mesyuarat Kajian Semula Proses Kerja JPSPM yang telah diadakan pada 22 Julai 2018 hingga 24 Julai 2018 di Genting Highlands, Pahang.

5.2 Dasar dan Perundangan

5.2.1 Kerajaan adalah komited dalam memastikan bahawa sumber hutan negara akan dibangunkan secara berkekalan sebagaimana terkandung dalam kenyataan Dasar Perhutanan Negara (DPN), 1978.

5.2.2 Undang-undang yang digunapakai bagi arahan kerja ini ialah Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) [Akta 313] dan Kaedah-Kaedah Hutan.

5.3 Pelaksanaan arahan kerja ini melibatkan pelbagai lapisan personel. Tindakan dan tanggungjawab terhadap proses kerja ini adalah seperti berikut:

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.1	Menerima permohonan daripada Bakal Pelesen (BP) untuk menjalankan kerja Inventori Hutan Sebelum Tebangan (<i>Pre-F</i>) beserta nama Kontraktor Pembangunan Hutan (KPH) yang dilantik oleh BP berdasarkan senarai yang diberikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri	PPN/TPPN
5.3.2	Menyediakan spesifikasi kerja.	PPPN/PHD
	5.3.2.1 Jika spesifikasi kerja tidak betul dan/atau tidak lengkap, memperbetul dan/atau melengkapkan spesifikasi kerja dan ulangi dari para 5.3.2.	PPHD/PPH
	5.3.2.2 Jika spesifikasi kerja didapati betul dan lengkap, mengesahkan spesifikasi.	PPPN/PHD
5.3.3	Mengeluarkan surat kepada Pejabat Hutan Daerah/Jajahan (PHD) berkaitan KPH yang	TPPN/PPPN

	telah dilantik bagi menjalankan kerja <i>Pre-F</i> .	
5.3.4	Mengarahkan PP menyediakan Pelan Kawasan Kerja <i>Pre-F</i> berasaskan Pelan Penandaan dan Pengesahaan Sempadan Kawasan Kerja.	PPN/PHD
5.3.5	Menyediakan Pelan Kawasan Kerja <i>Pre-F</i> berskala 1:5,000 berasaskan Pelan Penandaan dan Pengesahan Sempadan Kawasan Kerja, pelan.	PP
	5.3.5.1 Menyemak Pelan Kawasan Kerja <i>Pre-F</i> .	PPHD/PPH
	5.3.5.2 Jika pelan tidak betul dan tidak lengkap, memperbetul dan melengkapkan pelan (ulangi dari para 5.3.7).	PP
	5.3.5.3 Jika pelan didapati betul dan lengkap, mengesahkan Pelan Kawasan Kerja <i>Pre-F</i> .	PPN/PHD
5.3.6	Menyerahkan kepada KPH perkara-perkara berikut: i) Arahan dan spesifikasi kerja; ii) Kad kompas; iii)Kad Inventori; iv)Sifir Pembetulan Kecuraman; dan v) Pelan Kawasan Kerja <i>Pre-F</i> berskala 1:5,000	PPN/PHD
5.3.7	Menentu kedudukan dan menanda Pusat Ikatan (PI) dan Permulaan Garis Tapak (PGT) kawasan kerja <i>Pre-F</i> di lapangan dan merekodkan perubahan jika terdapat pindaan kedudukan PI dan PGT di lapangan di dalam Buku Kerja Luar.	PPHD/PPH

5.3.8	Membenarkan Kontraktor Pembangunan Hutan (KPH) melaksanakan kerja inventori <i>Pre-F</i> di lapangan dan diminitkan dalam Buku Lawatan Kerja (disediakan oleh KPH).	PPHD/PPH
5.3.9	Menyediakan dan mengemukakan Laporan Siap Kerja dan mengedarkan dokumen-dokumen kerja <i>Pre-F</i> seperti berikut: (i) Kad Kompas; (ii) Kad Inventori <i>Pre-F</i> ; (iii) Cetakan komputer data <i>Pre-F</i> ; (iv) Cetakan komputer keputusan pemprosesan data <i>Pre-F</i> ; dan (v) Salinan Peta Stok <i>Pre-F</i> .	KPH
5.3.10	Menentukan di pejabat kawasan yang perlu disemak di lapangan berdasarkan kadar tidak kurang daripada 10 peratus jumlah Garis Inventori atau sekurang-kurangnya dua (2) peratus Garis Inventori, mengikut mana yang lebih.	PPPN/PHD
5.3.11	Menyediakan Pasukan Semakan (PS) yang diketuai oleh seorang pegawai kanan yang berpangkat tidak rendah daripada PPHD/PPH.	PPPN/PHD

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.12	Menyemak kerja <i>Pre-F</i> yang telah dijalankan di kawasan yang ditetapkan dengan menggunakan: (i) Kad Kompas; (ii) Kad <i>Pre-F</i> ; (iii) Borang Semakan Garis Tapak untuk <i>Pre-F</i> ; (iv) Borang Semakan Garis Inventori dan Penempatan Petak Inventori untuk <i>Pre-F</i> ; (v) Tiga (3) salinan cetakan komputer data <i>Pre-F</i> ; (vi) Tiga (3) salinan cetakan komputer	Ketua PS

	keputusan pemprosesan data <i>Pre-F</i> dan (vii) Tiga (3) salinan Peta Stok <i>Pre-F</i> .	
5.3.12.1	Jika pelaksanaan kerja tidak memenuhi spesifikasi mengarahkan KPH mengulangi kerja dari para 5.3.10.	Ketua PS
5.3.12.2	Jika pelaksanaan semakan kerja memenuhi spesifikasi dan didapati memuaskan, mengesahkan Laporan Semakan Kerja Inventori <i>Pre-F</i> dan mengarahkan KPH memproses data Inventori <i>Pre-F</i> secara berkomputer menggunakan aplikasi Sistem Inventori Hutan Sebelum Tebangan (<i>Pre-F</i>) Edisi 3.0 dengan berpandu kepada <i>PPPre-F</i> dan <i>PSPPre-F</i> atau apa-apa aplikasi lain yang diguna pakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.	Ketua PS

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.13	Mengemukakan Kad Kompas, Kad Inventori, soft copy dan tiga (3) cetakan data pemprosesan <i>Pre-F</i> , tiga (3) cetakan keputusan pemprosesan <i>Pre-F</i> dan peta stok <i>Pre-F</i> .	KPH
5.3.14	Menyemak kesahihan data yang dimasukkan menggunakan aplikasi Sistem Inventori Hutan Sebelum Tebangan (<i>Pre-F</i>).	Ketua PS
5.3.14.1	Jika semakan menunjukkan terdapat kesilapan kemasukan data, mencetak data yang salah dan mengarahkan KPH memperbetulkan data tersebut di dalam komputer.	Ketua PS
5.3.14.2	Jika semakan menunjukkan tidak terdapat kesilapan kemasukan data, mengesahkan data pemprosesan dan analisa keputusan data <i>Pre-F</i> serta menyediakan Laporan Semakan Kerja <i>Pre-F</i> .	Ketua PS

5.3.15	Menyediakan Laporan Semakan Kerja <i>Pre-F</i> oleh BP secara kontrak.	Ketua PS
5.3.16	Mengemukakan Laporan Semakan Kerja <i>Pre-F</i> oleh BP secara kontrak kepada PPPN.	Ketua PS
5.3.17	Menyemak Laporan Semakan Kerja <i>Pre-F</i> oleh BP secara kontrak:	PPPN/PHD
5.3.17.1	Jika pelaksanaan kerja tidak memenuhi spesifikasi, mengarahkan KPH mengulangi kerja (ulangi dari para 5.3.8).	Ketua PS
5.3.17.2	Jika pelaksanaan kerja memenuhi spesifikasi, mengemukakan Laporan Siap Kerja kepada PPN/TPPN.	PPPN/PHD

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.18	Menerima daripada KPH Laporan Siap Kerja <i>Pre-F</i> secara kontrak yang disertakan dengan dokumen-dokumen berikut: (i) Kad Kompas; (ii) Kad Banci <i>Pre-F</i> ; (iii) Tiga (3) salinan cetakan komputer data <i>Pre-F</i> ; (iv) Tiga (3) salinan cetakan komputer keputusan pemprosesan data <i>Pre-F</i> ; (v) Tiga (3) cakera padat data <i>Pre-F</i> ; dan (vi) Tiga (3) salinan Peta Stok <i>Pre-F</i> . (vii)	PPN/TPPN
5.3.19	Memilih opsyen HBT yang sesuai berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan.	TPPN/PPPN
5.3.20	Mengemukakan opsyen HBT kepada PPN/TPPN.	PPN/TPPN
5.3.21	Menetapkan HBT.	PPN/TPPN
5.3.22	Mengedarkan HBT kepada PPPN dan PHD bersama dengan satu(1) salinan Peta Stok <i>Pre-F</i> .	PPPN/PHD

- 5.4 Carta aliran Proses Kerja Inventori Hutan Sebelum Tebangan (*Pre-F*) oleh Bakal Pelesen Secara Kontrak dan Penentuan Had Batas Tebangan bagi hutan darat asli dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) adalah seperti di **Lampiran 1**.

6.0 PENGECUALIAN

- 6.1 Pelaksanaan arahan kerja ini adalah tertakluk kepada pemakaian di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat perubahan atau penambahbaikan ke atas proses dan aturan kerja yang disenaraikan dalam arahan kerja ini, konsultasi dengan IPJPSM perlu diadakan.

7.0 TERMINOLOGI

- 7.1 Terminologi Proses Kerja Inventori Hutan Sebelum Tebangan [*Pre-Felling Inventory (Pre-F)*] Oleh Bakal Pelesen Secara Kontrak dan Penentuan Had Batas Tebangan adalah seperti di **Lampiran 2**.

8.0 TARIKH BERKUAT KUASA

- 8.1 Arahan Kerja ini berkuat kuasa serta merta bagi Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri mulai tarikh pekeliling ini.

9.0 PEMBATALAN


- 9.1 Pelaksanaan *Pre-F* secara Kontrak tidak melibatkan mana-mana Arahan Pembendaharaan memandangkan arahan kerja ini ditanggung sepenuhnya oleh pihak BP.

10.0 RUJUKAN

10.1 Manual Perhutanan Jilid III

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,




(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)


Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh : 26 Oktober 2020


**Carta aliran Proses Kerja Inventori Hutan Sebelum Tebangan (*Pre-F*)
Oleh Bakal Pelesen Secara Kontrak dan Penentuan Had Batas Tebangan**




Sambungan Lampiran 1




Sambungan Lampiran 1



Sambungan Lampiran 1



Sambungan Lampiran 1



TERMINOLOGI

Diameter	- Ukuran diameter paras dada batang pokok di luar kulit yang diambil pada paras ketinggian 1.3 meter dari permukaan tanah yang tertinggi. Bagi pokok yang mempunyai banir atau akar jangkang yang melebihi 1.0 meter tinggi, ukuran diameter diambil pada paras 0.3 meter di atas banir atau akar jangkang.
Garis Inventori	- Suatu garis di mana petak-petak inventori ditempatkan semasa Inventori Hutan Sebelum Tebangan dijalankan.
Garis Tapak	- Suatu garis yang disediakan merintangi Kawasan Kerja <i>Pre-F</i> untuk menetapkan permulaan Garis-garis Inventori <i>Pre-F</i> .
Had Batas Tebangan	- Had ukuran diameter pokok yang minimum yang dibenarkan untuk pengusahahasilan dalam Hutan Simpanan Kekal.
Hutan Simpanan Kekal	Kawasan tanah berhutan dan tidak berhutan yang diwartakan untuk tujuan perhutanan di bawah seksyen 7, Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) [Akta 313]. Pada kebiasaannya, kawasan ini hanya disebut sebagai Hutan Simpan.
Inventori Hutan Sebelum Tebangan (<i>Pre-F</i>)	- Inventori yang dijalankan ke atas sesuatu kawasan Hutan Simpanan Kekal sebelum pengusahahasilan untuk mengumpul maklumat yang tepat dan bererti mengenai kedudukan stok, kandungan, keadaan dan taburan semua pokok besar, kayu jaras, anak pokok, anak benih, buluh dan rotan supaya diketahui gambaran isi hutan yang sebenar serta dapat menentukan Had Batas Tebangan yang optimum untuk menjamin pembangunan jangka panjang hutan tersebut.
Kawasan Kerja <i>Pre-F</i>	- Kawasan kompartmen atau subkompartmen bagi hutan darat asli dalam Hutan Simpanan Kekal yang akan dijalankan Inventori Hutan Sebelum Tebangan (<i>Pre-F</i>).
Peta Stok Inventori Hutan Sebelum Tebangan (<i>Pre-F</i>)	- Peta yang disediakan berdasarkan kepada Pelan Kawasan Kerja <i>Pre-F</i> dengan mewarnakan petak-petak inventori menggunakan kod-kod warna yang berasaskan kandungan kayu-kayan perdagangan dan/atau jenis-jenis pokok yang terdapat dalam Daftar Membanci Pemulihan. Di samping itu, kedapatan rotan, buluh, bertam, pepanjat, palma dan resam juga ditunjukkan dengan simbol huruf.
Petak Inventori	- Petak yang ditubuhkan di sepanjang Garis Inventori di mana pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan yang berkaitan dibanci.

Pusat Ikatan

- Suatu titik rujukan di atas tanah yang digunakan sebagai punca untuk menentukan kedudukan Stesen Permulaan Sempadan. Pusat Ikatan lazimnya dipilih daripada ciri geografi yang kekal seperti cabang sungai, jambatan kekal, *bench mark* atau stesen trigonometri. Selain daripada ciri geografi yang kekal, Stesen Permulaan Sempadan atau Stesen Sempadan Kawasan Kerja/Kawasan Lesen bersebelahan boleh juga digunakan sebagai Pusat Ikatan.

SINGKATAN

BP	-	Bakal Pelesen
HBT	-	Had Batas Tebangan
PGT	-	Permulaan Garisan Tapak
PHD/J	-	Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PI	-	Pusat Ikatan
PP	-	Pelukis Pelan
PPPN		Penolong Pengarah Perhutanan Negeri
PPH	-	Penolong Pemelihara Hutan
PHD	-	Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PPHD	-	Penolong Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PPN	-	Pengarah Perhutanan Negeri
PPPre-F	-	Panduan Pengguna Inventori Hutan Sebelum Tebangan (<i>Pre-F</i>), Edisi 3.0. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Mei 1998
PPT	-	Penolong Pegawai Tadbir
<i>Pre-F</i>	-	Inventori Hutan Sebelum Tebangan
PRH	-	Pegawai Renj Hutan
PSP	-	Pembantu Setiausaha Pejabat
PSPre-F	-	Panduan Sistem Inventori Hutan Sebelum Tebangan (<i>Pre-F</i>), Edisi 3.0. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Mei 1998
PT	-	Pembantu Tadbir
TPPN	-	Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri